



SIARAN MEDIA

TAMAN NEGARA JOHOR ENDAU ROMPIN DIIKTIRAF SEBAGAI ASEAN HERITAGE PARK (AHP) KE-51

Majlis penyerahan Sijil Pengiktirafan Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai ASEAN Heritage Park (AHP) ke-51 telah diadakan di Bogor, Indonesia sempena *The Seventh ASEAN Heritage Parks Conference* (AHP7) anjuran Republik Indonesia dan ASEAN Centre for Biodiversity (ACB). Sijil pengiktirafan ini telah disampaikan kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) selaku *national focal point* biodiversiti di peringkat ASEAN. Pengiktirafan Taman Negara Johor Endau Rompin merupakan yang keempat buat Malaysia selepas Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak, Taman Negara Kinabalu, Sabah dan Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu).

AHPC7 merupakan persidangan berjadual yang diadakan setiap 3 tahun sekali dan menjadi platform kepada Negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States - AMS) untuk meningkatkan perkongsian ilmu dan menjalinkan kerjasama bagi memastikan pemuliharaan kekayaan biodiversiti di rantau ASEAN.

Pengiktirafan Taman Negara Johor Endau Rompin merupakan kejayaan buat negara amnya dan Kerajaan Negeri Johor khususnya dalam meningkatkan pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti. Pada masa yang sama, kejayaan ini meningkatkan imej Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai kawasan berkepentingan biodiversiti di peringkat serantau.

YBhg. Dato' Profesor Emeritus Dr. Ibrahim Komoo turut dianugerahkan sebagai salah seorang ASEAN Biodiversity Heroes (ABH) pada majlis tersebut. Beliau merupakan pakar bidang sains bumi khususnya dalam geologi kejuruteraan, geologi pemuliharaan dan sains kelestarian. ABH diperkenalkan pada tahun 2017 bagi mengiktiraf pencapaian 10 individu cemerlang daripada setiap negara anggota ASEAN yang banyak menyumbang kepada pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti dalam negara masing-masing dan rantau ASEAN.

KeTSA berharap pengiktirafan Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai AHP dan YBhg. Dato' Profesor Emeritus Dr. Ibrahim Komoo sebagai ASEAN Biodiversity Heroes (ABH) akan menjadi pemangkin kepada pengukuhan usaha-usaha pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti di negara ini. KeTSA komited untuk menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan bagi memastikan khazanah biodiversiti negara terus terpelihara.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

2 NOVEMBER 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1

